

03 APR 2000

Sukan-GP Malaysia

GP MALAYSIA BERJAYA, TETAPI JUMLAH PENONTON BERKURANGAN

Oleh: Elmi Rizal

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Grand Prix (GP) Motosikal Malaysia yang berakhir di Litar F1 Sepang semalam, sekali lagi mencatat sejarah sebagai penganjur terbaik.

Bagi Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC), penganjur kejohanan, kejayaan mengelolaknya buat kali kedua berturut-turut di litar berharga RM280 juta itu, membuktikan Malaysia mampu mengalas tugas dengan baik, walaupun sebelum ini tidak disenaraikan dalam kalendar GP Dunia 2000.

Kemenangan kedua berturut-turut di litar yang sama oleh Kenny Roberts Jr, kategori 500cc, pasti menjadikan gelanggang itu sukar dilupakan pelumba Suzuki itu sebagai pemenang perlumbaan di Malaysia dua tahun berturut-turut, selain bekas juara dunia lima kali Mick Doohan.

Permulaan yang baik itu juga semestinya memberi semangat kepada pelumba Amerika Syarikat itu untuk memburu kejuaraan dunia tahun ini selepas menduduki tempat kedua keseluruhan, tahun lepas.

Sementara pujian demi pujian diberikan kepada SIC dan juga Litar F1 Sepang, yang merupakan antara litar yang terancang di dunia, satu perkara yang mungkin menyedihkan ialah kemerosotan ketara penonton menyaksikan perlumbaan itu.

Mengikut angka rasmi yang dikeluarkan SIC, jumlah penonton yang menyaksikan perlumbaan itu semalam ialah 18,992, berbanding 25,000 tahun lepas.

Lebih mendukacitakan, angka itu jauh daripada sasaran SIC untuk menjual 40,000 tiket, tahun ini.

Dua hari pertama perlumbaan, sejak Jumaat lepas, menyaksikan kehadiran paling buruk dengan tempat duduk grandstand seperti tidak terusik.

Walaupun penganjur menyediakan pelbagai bentuk pakej serta diskaun untuk penonton yang membeli tiket awal, ia masih gagal menarik peminat sukan bermotor tempatan datang menyaksikannya.

Ini mungkin kerana harga tiket yang terlalu mahal hingga menghalang mereka datang, walaupun perlumbaan kali ini turut disertai pelumba negara Shahrol Yuzy, sebagai pelumba penuh siri GP Dunia 2000, di bumi Malaysia.

Harga tiket GP Malaysia kali ini ialah RM130 dan RM100 untuk grandstand dan tempat duduk semulajadi bagi pakej tiga hari.

Manakala, harga tiket grandstand dan tempat duduk semulajadi bagi menonton perlumbaan semalam sahaja ialah RM80 dan RM60.

Kerana itu harga tiket wajar dikaji bagi membolehkan lebih ramai rakyat tempatan menyaksikan perlumbaan itu.

Seperti kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, kerajaan akan berbincang dengan pengurusan SIC untuk mengurangkan harga tiket bagi membolehkan lebih ramai rakyat tempatan menyaksikan kejohanan sukan bermotor di Litar F1 Sepang.

Dr Mahathir berkata beliau akan berunding sendiri dengan Pengerusi SIC Tan Sri Basir Ismail untuk tujuan itu.

"Kita sedang berbincang untuk mengurangkan harga tiket.

"Saya hendak berunding dengan Tan Sri Basir supaya harga tiket dikurangkan," kata Dr Mahathir selepas melancarkan GP Motosikal Malaysia 2000 di Litar F1 Sepang, semalam.

Persoalannya, adakah peminat sukan bermotor Malaysia lebih berminat menyaksikan perlumbaan kereta Formula Satu daripada GP Motosikal yang sudah memasuki tahun ke-10 bertapak di Malaysia.

Grand Prix F1, di litar yang sama tahun lepas, berjaya menarik lebih 90,000 penonton menyaksikannya.

Litar F1 Sepang akan sekali lagi menjadi tuan rumah pusingan akhir perlumbaan yang sama musim ini, pada 20 hingga 22 Oktober depan.

-- BERNAMA

ERE zb